

**Perluas Seminar Wasatiyyah Ke Semua Peringkat Bahagian Parti, Agensi Kerajaan  
- Wakil Kelantan  
Bernama  
03 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Wakil Kelantan hari ini menyarankan agar seminar pemahaman wasatiyyah yang diadakan sempena Perhimpunan Agung Umno 2011 Sabtu lepas, diperluaskan ke peringkat negeri dan bahagian serta agensi kerajaan.

Mohd Afandi Yusoff berkata melalui seminar itu, Umno dapat membuktikan kepada rakyat siapa yang sebenarnya mempertahankan dan memperjuangkan Islam.

"Perjuangan kita konsisten dan mempunyai pendirian...kita teguh memperjuangkan bangsa dan agama...kita sentiasa ke depan tidak seperti PAS yang baru mengatakan perkongsian kuasa dengan kaum lain dibenarkan Islam kerana Rasulullah pun buat dulu...kita dah lama buat.

"Ini menunjukkan mereka terkebelakang dari kita...dulu negara Islam tapi sekarang negara kebajikan, ini menunjukkan mereka tidak Istiqamah dan pendirian mereka sentiasa berubah-ubah," katanya membahaskan usul agama, pendidikan dan sosial, pada perhimpunan agung parti itu, di sini.

Menyentuh mengenai kerajaan Kelantan pimpinan PAS, Ketua Pemuda Umno Rantau Panjang itu berkata sudah tiba masanya Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat melepaskan jawatan.

Ini kerana katanya, Mursyidul Am PAS itu bukan saja telah lama meneraju Kelantan tetapi juga gagal menyelesaikan permasalahan rakyat.

"Dulu dia kata Tun Mahathir (Mohamad) memerintah lama, Tun Abdullah (Ahmad Badawi)...tapi sekarang kedua-dua pemimpin ini telah melepaskan jawatan dan kenapa Menteri Besar Kelantan ini tak juga berundur walaupun dah tua," katanya.

Wakil Perlis Fathul Bari Mat Jahya berkata proses penyucian (tasfyiah) dan pendidikan (tarbiah) dalam Umno serta kerajaan perlu dilakukan bagi membolehkan parti memenangi pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Katanya proses penyucian itu termasuk terhadap sikap anggota dan pemimpin parti yang lebih cintakan keduniaan seperti jawatan dan harta berbanding memartabatkan agama dan bangsa.

Proses penyucian ini juga termasuk mengikis tomahan pembangkang yang mendakwa Umno dan kerajaan Barisan Nasional kononnya membenci Islam, tidak mahu melaksanakan hukum Islam seperti Hudud, katanya.

Fathul Bari berkata seiring dengan proses penyucian itu, proses tarbiah atau pendidikan perlu dilakukan terhadap anggota dan pemimpin Umno supaya mereka dapat memberi penjelasan kepada rakyat mengenai usaha dan kejayaan parti serta kerajaan dalam memartabatkan agama dan membangunkan rakyat.

"Proses yang kita perlu lakukan ialah kita menjawab dengan ilmu, kita menyampaikan menggunakan ilmu kerana kita letih mendengar PAS menghentam menggunakan ayat-ayat Al-Quran secara sewenang-wenangnya," katanya.

Beliau turut mencadangkan Umno memberi ruang seluas-luasnya kepada penyertaan agamawan dan ilmuwan yang kini merasakan mereka kurang diberi perhatian oleh parti tersebut.

"Di luar sana ramai ilmuan dan agamawan yang kurang berminat menyertai Umno, alasan popular ialah kami tidak ada tempat untuk menyampaikan pandangan kami. Kita perlukan agamawan dan ilmuwan kerana perlembagaan parti memperjuangkan untuk memartabatkan agama," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631566>